

09/09/2001

Pengorbanan Kamaruddin berbaloi

`SAYA tidak menyesal melabur hampir keseluruhan wang simpanan pekerja (KWSP) yang diterima baru-baru ini demi memenuhi cita-cita sebagai penunggang kuda tahan lasak bertaraf dunia.

Untuk tujuan itu, saya membelanjakan kira-kira RM500,000 wang KWSP bagi membeli kuda terutama dari Australia dan Perancis.

Nampaknya kerja saya berbaloi kerana mendapat pulangan lumayan dengan memenangi pingat pertama Sukan Sea.

Apapun, saya bersyukur kerana kuda yang dibeli dari Perancis iaitu Elsi De L'aigoul berada dalam keadaan sihat bagi membolehkan saya mengecapi kejayaan manis ini.

Saya juga tidak pernah menyesal membelanjakan wang sebanyak itu demi kecintaan kepada sukan berkuda yang saya diceburi sejak kecil lagi.

Sebab itulah saya sanggup membelanjakan wang yang banyak agar hasrat dan cita-cita saya untuk menempatkan diri sebagai ekuin bertaraf dunia khususnya dalam acara jalan lasak termakbul.

Kejayaan saya ini mendorong semangat saya untuk mengembangkan sukan jalan lasak kepada rakyat Malaysia dan berazam membentuk pasukan remaja untuk bersaing di arena antarabangsa .

Ini selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menggalakkan rakyat Malaysia terbabit dengan sukan ini khususnya remaja.

Selepas Sukan Sea ini, saya akan menyertai kejohanan antarabangsa di Australia, Itali dan Perancis.

Ini kerana saya berhasrat meletakkan diri antara tiga terbaik di dunia.

Hanya kerja keras dan latihan berterusan dapat membantu saya menempa kejayaan demi kejayaan selepas ini.

(END)